R B367 BAH EMA SIN

MAHATHIR - JAMINAN
OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN
(I) 1984

WELLINGTON, 15 OGOS (BERNAMA) -- NEW ZEALAND TELAH MEMBERI JAMINAN KEPADA MALAYSIA UNTUK MENGAMBIL LANGKAH MENGURANGKAN IMBANGAN PERDAGANGAN YANG TIDAK SEIMBANG ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

JAMINAN ITU DIBERIKAN OLEH PERDANA MENTERI NEW ZEALAND ENCIK DAVID LANGE KEPADA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEMASA BERTEMU MEREKA DI RUMAH PARLIMEN DI SINI HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR BERSAMA DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SELEPAS PERTEMUAN ITU, BAHAWA NEW ZEALAND MENGHORMATI DEFISIT PERDAGANGAN KINI DALAM RATIO 3 -1 YANG MENGUNTUNGKAN NEW ZEALAND.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APA YANG MALAYSIA MAHU IALAH LEBIH BANYAK PELUANG DIBERI UNTUK MEMASARKAN BARANGAN KELUARAN MALAYSIA DI PASARAN NEW ZEALAND.

+ SAYA DIFAHAMKAN KERAJAAN NEW ZEALAND AKAN MEMBUAT SATU PENGUMUMAN PENTING BERKAITAN DENGAN POLISI PERDAGANGANNYA. KITA MENGKAJI PERKARA ITU DAN SUDAH PASTI BERHARAP IA MEMBERI FAEDAH KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI KAMI. -- LAGI

1418MST 15 08 84

D664

R B373 BAH EMA SIN

MAHATHIR - JAMINAN 2 WELLINGTON

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA BARANGAN MALAYSIA BOLEH MENDAPAT LEBIH LUAS PASARAN DI PASARAN NEW ZEALAND, INI AKAN PASTI MEMBANTU NEGARA MEMBAIKI KEDUDUKAN KESELURUHAN DALAM PERDAGANGAN LUARNYA.

+ SAYA BERSETUJU ADALAH TIDAK MUNGKIN UNTUK MENGIMBANGKAN PERDAGANGAN ANTARA MANA-MANA DUA NEGARA. TETAPI JIKA KITA BOLEH MENGURANGKAN JURANGNYA, INI PASTI MEMBANTU KITA,+ KATANYA.

DALAM PERTEMUAN SELAMA SEJAM ITU KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT MENGENAI KAMPUCHEA, ANTARTIKA, TENAGA NUKLEAR DAN ISU-ISU LAIN.

MEREKA JUGA MEMBINCANGKAN HUBUNGAN DUA HALA TERMASUK PERMINTAAN MALAYSIA UNTUK MENAMBAH TEMPAT PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI NEW ZEALAND, DASAR MALAYSIA UNTUK BEKERJASAMA DAN PERHUBUNGAN DENGAN KEPULAUAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN PASIFIK SELATAN DAN PERTUKARAN KEPAKARAN DALAM TEKNOLOGI MAKANAN DAN PERTANIAN.

DITANYA APAKAH LANGKAH-LANGKAH SPESIFIK YANG TELAH DIBUATNYA TENTANG PERMINTAAN DATUK SERI DR. MAHATHIR UNTUK MENAMBAHKAN TEMPAT BAGI PARA PELAJAR MALAYSIA KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI SINI, ENCIK LANGE BERKATA BELIAU TIDAK BOLEH BERBUAT DEMIKIAN KERANA SETENGAH-SETENGAH FAKULTI SEPERTI KOMPUTER SAINS DAN KEJURUTERAAN DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI NEW ZEALAND JUGA MENGHADAPI TEKANAN PADA PELAJAR TEMPATAN. -- LAGI

1504MST 15 08 84

D668

R B376 BAH EMA SIN

MAHATHIR - JAMINAN 3 WELLINGTON

+ SEJAJAR DENGAN ITU PULA, FAKULTI-FAKULTI INILAH JUGA YANG MENJADI PERMINTAAN PARA PELAJAR MALAYSIA,+ KATA BELIAU.

+ SAYA TIDAK BOLEH MEMBERI JAMINAN MALAHAN UNTUK PARA PELAJAR KAMI SENDIRI, APATAH LAGI YANG LAIN, + JELASNYA.

BAGAIMANAPUN PERDANA MENTERI NEW ZEALAND ITU BERKATA INSTITUSI-INSTITUSI LAIN SEPERTI UNIVERSITI MASSEY DAN KOLEJ PERTANIAN LINCOLN BOLEH MENYEDIAKAN TEMPAT-TEMPAT TAMBAHAN KEPADA PARA PELAJAR MALAYSIA UNTUK KURSUS-KURSUS TEKNOLOGI MAKANAN DAN PERTANIAN.

ENCIK LANGE MENYAMBUT BAIK DASAR HUBUNGAN BARU MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN KEPULAUAN PASIFIK SELATAN.

BELIAU BERKATA BELIAU DAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBINCANGKAN PERKARA ITU KETIKA MEREKA BERADA DI PORT MORESBY MINGGU LEPAS, [illegible] PERSIDANGAN SERANTAU KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL -- BERNAMA